



## ANALISIS QIRAAT DAN KESANNYA TERHADAP HUKUM PERKAHWINAN

Mohd Nazir Kadir<sup>1</sup>, Mohd Mahfuz Jaafar<sup>2</sup>, Mohd Hazwan Nor Hashim<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam (UKM), Bangi. Email: [nazir@marsah.edu.my](mailto:nazir@marsah.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Tahfiz al-Quran Dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) Bangi, Selangor Darul Ehsan. Email: [mohdmahfuz@kuis.edu.my](mailto:mohdmahfuz@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Ketua Program Tahfiz Al-Quran, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Jln Heman, Larkin, Johor Bahru. Email: [hazwan\\_hashim85@yahoo.com](mailto:hazwan_hashim85@yahoo.com)

### Abstrak

Ilmu Qiraat adalah kepelbagaian bentuk bacaan al-Quran berdasarkan para qurra' yang meriwayatkan bentuk bacaan tersebut. Kesan dari perbezaan *wujud qira'at* sebahagiannya memberi kesan perbezaan dari sudut makna serta hukum dan sebahagian yang lain tidak memberi kesan pada perubahan hukum. Artikel ini bertujuan membincangkan hukum menghimpun dua wanita dalam perkahwinan melalui qiraat mutawatirah dengan menfokuskan surah *al-Nisā'*, ayat ke-24 sebagai tajuk perbincangan. Metodologi kajian yang digunakan adalah berdasarkan kajian kualitatif berbentuk analisis teks. Sumber rujukan kajian ini adalah menggunakan rujukan dari kitab-kitab qiraat, tafsir, hadith dan fiqh dengan mendatangkan beberapa pandangan dari para sarjana dari aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Namun terdapat pandangan dari aliran Syiah Rafidah dan Khawarij. Dapatan kajian mendapati bahawa kepelbagaian *wujud qira'at* memberi implikasi lebih dari satu makna yang menghasilkan perbezaan pada sesuatu ayat. Namun begitu para fuqaha sepakat mengatakan ia adalah haram berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan.

### Kata kunci

Qiraat, Ahli Sunnah wal Jamaah, Qiraat Sab'ah, Menghimpunkan Dua Wanita, Perkahwinan

### Abstract

*The knowledge of Qiraat is the diversified forms of al-Quran recitation according to the qurra' (readers) that reported the form of recitation. The implications of differences of wujud (ways) of qiraat partially impacts the differences in terms of meaning and ruling while others have no impact on rulings. This article intends to discuss the ruling of gathering two women in a marriage, through qiraat mutawatirah by focusing on surah al-Nisā' verse 24 as the topic. The methodology used is qualitative study based on textual analysis. The source of references for this study is books of qiraat, tafsir, hadith and fiqh by bringing the opinions of scholars from Ahli Sunnah wal Jamaah. Yet, there are also some views from the sect of Syiah Rafidah and Khawarij. It was found from the study that diversity in wujud (ways) of qiraat have implications of more than one meaning that resulted in differences to a particular verse. However, the fuqaha (fiqh scholars) unanimously decided that it is haram (impermissible) based on given arguments.*

### Keywords

Qiraat, Ahli Sunnah wal Jamaah, Qiraat Sab'ah, Gathering Two Women, Marriage

---

## 1.0 Pendahuluan

Ilmu qiraat merupakan salah satu cabang ilmu yang berkaitan ulum al-Quran. Tidak dinafikan ilmu qiraat juga mempunyai sejarah perkembangannya bermula pada zaman Rasulullah s.a.w. hinggalah kini. Melalui disiplin ilmu qiraat, para sarjana dalam bidang ini telah membahaskan isu-isu utama seperti pembahagian jenis qiraat, tokoh-tokoh utama termasuk juga perbahasan tentang

kepelbagaian kaedah sebutan dan bacaan al-Quran (Mohd Nazir Kadir 2016). Sehubungan itu, Ibn al-Jazariy menyebut ilmu qiraat hakikatnya tidak hanya tertumpu pada sudut penisbahan bacaan kepada imam-imam qiraat samada dari qiraat yang tujuh mahupun sepuluh, malah ia boleh dikaji dari sudut fonetik seperti kaedah *idgham*, *izhar*, *ikhfa'*, *iqlab*, *imālah*, *tashīl*, *tahqiq* dan lain-lain (Ibn al-Jazariy 2001). Selain itu berkaitan juga perubahan dari sudut ilmu sorof bahasa Arab seperti dari *binā' majhūl* kepada *binā' mafhum*, dari *fiel madhi* kepada *fiel amar* dan yang seumpamanya. Ini kerana setiap perubahan baris pada sesebuah perkataan akan menyebabkan perubahan makna bagi struktur ayat, iaitu (زيادة المبنى تدل على زيادة المعنى). Kenyataan ini disokong juga oleh beberapa para sarjana Islam yang terkenal dalam bidang bahasa seperti Ibn Darastawaiyyah (wafat 330H), Ibn Jinni (wafat 392H), Al-Zamakhsyari (wafat 538H), Ibn al-Athir (wafat 637H) dan lain-lain lagi (Nasr Sa'id 2008). Oleh itu, (إختلاف المبنى تبعاً لإختلاف وجوه القراءات) – perbezaan makna adalah berdasarkan dari perbezaan kepelbagaian bacaan qiraat (Muhammad al-Bannā 1987).

Namun begitu tidak semua perbezaan *wujuh qira'at* akan memberi kesan perubahan pada makna dan hukum. Adakalanya perbezaan qiraat berlaku dalam dua bacaan, tiga bacaan atau empat bacaan. Ia disimpulkan dalam pembahagian berikut:

### 1.1 Khilaf Pada Lafaz Dengan Makna Yang Sama

Mohd Nazir Kadir (2016) menyebut antara contoh-contoh khilaf yang hanya berlaku pada lafaz tetapi tetap mempunyai makna yang sama seperti (يُودُّ), (الصراط), (عليهم).

### 1.2 Khilaf Pada Lafaz Dan Makna Serta Harus Dihimpunkan Kedua-Dua

Seperti khilaf pada kalimah (مَالِك) 'pemilik' dan (مَلِك) 'raja' dalam surah *al-Fātihah*. Maksud dari kedua-dua bacaan qiraat tersebut kembali kepada Allah kerana 'pemilik' dan 'raja' adalah sifat Allah SWT. 'Pemilik' kerana Allah adalah pemilik hari kebangkitan dan 'raja' pula kerana Dialah raja segala raja pada hari tersebut.

### 1.3 Khilaf Pada Lafaz Dan Makna Serta Tidak Harus Dihimpunkan, Bahkan Kedua-Duanya Saling Melengkapi, Tidak Bertentangan 'Tadad'

Sebagai contoh kalimah (لَتَزُولَ) dalam firman Allah S.W.T. dalam surah *Ibrāhim*, ayat ke-46. Kalimah tersebut boleh dibaca dengan (لَتَزُولُ) dan (لَتَزُولِن). Menurut Ahmad Muhammad al-Kharrāt (2005), melalui qiraat pertama, (الجبل) diertikan gunung ganang dengan maksud yang sebenar (*hakikāt*). Manakala qiraat kedua adalah sebagai bandingan atau kiasan (*majāzī*). Oleh yang demikian tidak wujud apa yang dinamakan pertentangan atau pertembungan dalam qiraat.

## 2.0 Kajian Literatur

### 3.0

Institusi perkahwinan merupakan satu ibadah yang disusun rapi oleh syarak demi memenuhi keperluan fitrah manusia dengan penuh hikmah dan bijaksana. Ia mempunyai peranan yang amat penting dalam menjana tamadun umat ke arah kehidupan yang diredhai (Asma' Yusoff 2012). Oleh itu tidak dapat tidak proses perkahwinan adalah bermula dari pemilihan pasangan dengan berpandukan tuntutan syariat. Justeru Islam telah menetapkan beberapa ketetapan siapakah yang dibenarkan dan siapakah yang tidak dibenarkan untuk dinikahi. Antara topik perbincangan yang boleh ditampilkan sebagai satu kajian kecil di sini adalah dalam persoalan hukum menghimpunkan dua saudara wanita.

## 4.0 Menghimpunkan Dua Saudara Wanita Dalam Perkahwinan

### Ayat Khilaf: Surah *al-Nisā'*, 4: 24:

﴿وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَأُحِلَّ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكَ...﴾

Bermaksud: "Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu dan (sebaliknya) **dihalalkan** bagi kamu perempuan-perempuan yang lain..."

#### 4.1 Kepelbagaian Bacaan dari Sudut Penafsiran

Para qurra' berbeza bacaan pada kalimah ( وَأَحَلَّ ). Huraian adalah seperti berikut:

- 3.1.1 Imam Hamzah, imam al-Kasai dan riwayat Hafs membaca huruf Alif dengan *dammah* dan huruf Ha' dengan *kasrah* ( وَأَحَلَّ ).
- 3.1.2 Baki imam qurra' membaca kedua-dua huruf tersebut dengan *fathah* ( وَأَحَلَّ ) (Ibn Mujāhid 2007 & Al-Qadhi 2010).

Nikah merupakan satu ibadah yang dikurniakan sebagai memelihara hubungan sesama manusia demi kesinambungan zuriat. Sehubungan itu Allah SWT menjelaskan siapakah mereka yang dibenarkan atau tidak untuk dijadikan pasangan suami isteri (Mohd Nazir Kadir 2016), Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu (adik beradik), saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu”. Seterusnya Allah SWT juga mengharamkan mengahwini dua adik beradik. Firman Allah SWT dalam surah *al-Nisā'*, 4: 23:

... وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ...

Bermaksud: “... dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu ...”

Berdasarkan ayat tersebut, Ibn ‘Abbās r.a. memberitahu, wanita yang haram dinikahi adalah tujuh dari nasab (keturunan) dan tujuh dari penyusuan dan dari persemendaan (Al-Qurtubi 2004), atau dengan kata lain, tiga bahagian kerana nasab, penyusuan dan persemendaan. Dalam kajian ini, ayat yang menjadi perbincangan adalah ayat ke 24 yang sangat berkait rapat dengan ayat sebelumnya. Al-Qurtubi menyebut ( وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ ) di'atafkan kepada mereka yang diharamkan (*al-muharramāt al-mazkurāt* - حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ ) pada ayat sebelumnya. Beliau juga memberitahu ayat ( وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ ) – “dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu)”, juga 'ataf kepada ayat yang sama, ( حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ ). Oleh itu ijma' ummah menegah dari menghimpunkan dua beradik (Al-Qurtubi 2004). Kenyataan yang serupa dinukilkan dari Abū Hayyān (2001) dalam tafsirnya. Bagi menjelaskan perbincangan tersebut, berikut adalah sebahagian perbincangan dari sudut *taujīh qirā'āt*:

##### a. Qiraat ( وَأَحَلَّ )

la dibaca dengan *dammah* kerana mengikut wazan *mabni lil majhūl* atau *mā lam yusamma fā'iluh* (Ibn Zanjalah 2001), atau kerana berhubungkait dengan ayat sebelum - حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ - ayat ke 23 (Al-Nuwairi 2003), atau pun disandarkan kepada kata kerja ( حُرِّمَتْ ). Oleh itu kedua-dua kalimah tersebut terdiri dari wazan yang sama, *mabni lil majhūl*, seolah-olah ia seperti dalam satu ayat kerana pada awalnya Allah SWT mengharamkan perkara-perkara tertentu dan kemudiannya menghalalkan yang lain.

##### b. Qiraat ( وَأَحَلَّ )

Sementara qiraat dengan *fathah* kerana hampirnya lafaz jallalah pada ayat ( كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ). Kata Ibn Zanjalah (2001), berdasarkan *taujīh* tersebut *fi'il* ( أَحَلَّ ) di'atafkan kepada Allah, dengan makna ( كِتَابَ اللَّهِ ) – “suatu ketetapan yang Allah wajibkan atas kamu dan juga yang Allah halalkan bagi kamu dari perempuan-perempuan yang lain”. Oleh itu al-Qurtubi (2004) menyatakan berdasarkan *taujīh qirā'āt*, ia memberi isyarat tiada perempuan yang haram dinikahi selain yang telah disebut pada ayat sebelumnya.

Berdasarkan kaedah nahu, tujuan *fi'il mabni lil majhūl* ialah supaya menampakkan *maf'ūl*nya. Dalam ayat tersebut *maf'ūl* adalah *damīr* ( كُمْ ), yang kena buat atau yang siapa yang dipertanggungjawabkan, iaitu setiap mukallaf. Sementara tujuan *fi'il mabni lil ma'lūm* pula

menampakkan *fā'ilnya*, sebagai pelaku atau pembuat, iaitu Allah SWT yang menurunkan wahyu dan syariat kepada mukallaf.

#### 4.2 Perbezaan Hukum Dalam Kalangan Ulama

Berdasarkan dua qiraat tersebut, *dammah* dan *fathah*, para pakar fuqaha sepakat mengatakan haram menghimpun dua saudara dalam perkahwinan. Sekalipun umum ayat tersebut menghalalkan, namun ia mengandungi unsur *takhsis* iaitu baginda menegah dari menikahi seorang isteri beserta ibu saudaranya dari kedua-dua belah ibu dan bapanya (Ibn al-Jauzi 2002). Walau bagaimanapun terdapat segolongan yang tidak sealiran dengan pendapat para fuqaha, iaitu Syiah Rafidah dan Khawarij. Berikut adalah perinciannya:

##### 3.2.1 Ahli Sunnah wal Jamaah

Berdasarkan hujah, mereka mengatakan perempuan yang haram dinikahi tidak terhad sepertimana yang disebutkan dalam nas al-Quran tersebut. Menurutnyanya antara yang diharamkan adalah berdasarkan hadith-hadith baginda s.a.w. Ini membuktikan al-Hadith adalah penghurai dan penjelas bagi al-Quran (Izzat Syahātah Karār 2006). Al-Qurtubi menegaskan al-Quran dan al-Sunnah ( كالتشي والوحد ), iaitu seperti satu perkara yang sama (2004). Tidak boleh dipisah, malah saling lengkap melengkapi. Selain itu mereka juga menguatkan dengan mendatangkan qiraat *dammah* ( وأحل ). Menurut 'Izzat Syahātah Karār, dari qiraat tersebut dapat diketahui bahawa terdapat lagi beberapa wanita yang haram dinikahi sepertimana yang dijelaskan oleh al-Sunnah (2006). Antaranya yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a. bahawa baginda bersabda:

لَا يُجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا ، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَتِهَا

Bermaksud: "Tidak dihimpunkan antara seorang wanita dengan ibu saudaranya (sebelah bapa) dan tidak juga dengan ibu saudaranya (sebelah ibu)".

(H.R Muslim)

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ أَرْبَعِ نِسْوَةٍ أَنْ يُجْمَعَ بَيْنَهُنَّ الْمَرْأَةُ وَعَمَّتِهَا  
وَالْمَرْأَةُ وَخَالَتِهَا

Bermaksud: "Baginda s.a.w. menegah dari empat golongan wanita, iaitu tidak boleh dihimpunkan seorang wanita (isteri) dengan ibu saudaranya sebelah bapa dan ibu saudara sebelah maknya".

(H.R Muslim)

Berdasarkan dalil hadith tersebut, ia menunjukkan bahawa ibu saudara sebelah bapa isteri dan sebelah ibu isteri merupakan wanita yang haram dinikahi. Selain itu penguatan hujah dikuatkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab hadith seperti al-Tirmizi, hadith-hadith serupa itu terletak dalam bab khas dengan nama ( باب ما لا تتكح المرأة على عمتها ولا على خالتها ) (Al-Mubarakfuri 2001). Al-Qurtubi (2004) mengatakan pengharaman seperti dalam hadith tersebut termasuk juga maksud dari ayat al-Quran – *wa antajma'u baina al-ukhtain (al-Nisā', 4: 23)*. Selain itu dari sudut hikmah pengharaman tersebut adalah boleh menyebabkan terputusnya ikatan silaturahim kekeluargaan (H.R al-Tirmizi).

##### 3.2.2 Syiah Rafidah dan Khawarij<sup>56</sup>

Mereka berpendapat wanita-wanita yang diharamkan adalah mereka yang disebutkan dalam nas ayat al-Quran sahaja. Bahkan mereka berhujah dengan *qirā'at mutawātirah*, dengan bacaan *fi'il mamni lil*

<sup>56</sup> Khawarij bererti kumpulan yang keluar daripada kepimpinan atau manusia atau agama atau kelompok 'Ali bin Abi Talib r.a. Atau diertikan juga sebagai kumpulan yang keluar daripada kepimpinan yang disepakati umum. Mereka adalah golongan pertama yang keluar dari Ahli Sunnah wal Jama'ah. Lihat: Farahwahida Mohd. Yusof. 2007. *Aliran Kepercayaan Dalam Sejarah Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Skudai, hlm. 19-20.

*ma'lūm*. Walau bagaimanapun penafsiran tersebut hanyalah berdasarkan makna umum ayat: ( وَأَخْلَ لَكُمْ ) ( مَا وَرَاءَ ذَلِكُمْ ), ini sebagaimana dinyatakan oleh Abū Hayyān (2001) dalam tafsirnya. Menurut beliau lagi, mereka mengharuskan menghimpunkan dua wanita samada dengan ibu saudara isteri dari kedua-dua pihak, atau pun menghimpunkan kedua-dua ibu saudara tersebut.

Antara ulama Syiah yang mengharuskan adalah Abū Ja'far al-Tūsi, salah seorang ulama Syiah dua belas. Beliau menggunakan hujah hadith baginda *lā tunkah al-mar'ah 'ala 'ammatihā* (HR al-Bukhāri) – janganlah kalian menikahi seseorang perempuan dengan ibu saudaranya sebelah bapa. Hujah beliau adalah kerana hadith tersebut tidak pula disebut *'alakhālatihā* – ibu saudara sebelah ibu. Mereka berpandangan bahawa sekiranya kesamaan dari tuntutan hadith dengan al-Quran, ia adalah diterima. Namun jika sebaliknya, ia ditolak. Dakwaan mereka adalah tidak benar kerana antara hadith dan al-Quran tidak sekali-kali berlakunya pertentangan, jika ada pun ia adalah dari sudut *'umūm* dan *khusūs* sahaja. Abū Hayyān menambah bahawa sebahagian besar keterangan dalam al-Quran hendaklah dikhususkan dengan penerangan dan tafsirannya (2001). Begitu halnya dalam bab solat, al-Quran tidak menyebut bilangan rakaat, bacaan-bacaannya dan seumpamanya, namun penafsiran dan keterangan akan dinyatakan dalam periwayatan hadith-hadith.

Selain itu mereka juga berhujah bahawa hadith yang dinyatakan tersebut adalah dari *hadithkhabar ahād*.<sup>57</sup> Dakwaan tersebut adalah tidak benar kerana hadith yang dinyatakan tersebut telah pun diriwayatkan oleh sebahagian besar para sahabat antaranya 'Ali r.a., Ibn 'Abbās r.a., Jābir r.a., Ibn 'Umar r.a., Abū Hurairah r.a. dan A'isyah r.ha. Bahkan sebahagian ulama menyebut ia adalah *hadith mutawātir*, wajib diketahui dan diamalkan (Abū Hayyān 2001). Sekali pun mereka menggunakan *qirā'at mutawātirah* dan hadith nabawi sebagai hujah, ternyata ia bertentangan dengan tuntutan sebenar sebagaimana yang dijelaskan oleh dua sumber syarak, al-Quran dan al-Sunnah.

Penolakan hujah mereka juga kerana bertentangan dengan maksud sebenar ayat al-Quran serta huraian dari al-Sunnah. Menurut Muhammad Sālim Muhaisin (1989), Allah SWT mengharuskan nikah selain mereka yang disenaraikan dalam ayat al-Quran, selagi mana memenuhi syarat-syarat dari kitab-kitab al-Sunnah dan fiqh, seperti haram menghimpunkan isteri dengan ibu saudaranya dari kedua-dua pihak, bapa dan ibu. Selain itu ia memberi isyarat bahawa al-Sunnah adalah sumber tasyrik selepas al-Quran,

Dari sudut yang lain, pengharaman tersebut jika dilihat dari sudut asbab nuzul. Ternyata Islam datang sebagai nur dan petunjuk kerana bangsa Arab ketika zaman jahiliyah. Mereka mengetahui pengharaman seperti dalam situasi tersebut, namun tidak pada dua keadaan:

- a. Menikahi isteri bapa – *imra'ah al-ab*.
- b. Menghimpunkan dua saudara.

Oleh itu Allah SWT hanya menyebutkan di dalam al-Quran ( وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ) – “Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu” (*al-Nisā'*, 4: 22) dan ( وَأَنْ تَجْمَعُوا ) ( بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ) – “Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu” (*al-Nisā'*, 4: 23). Kedua-dua ayat al-Quran tersebut dinyatakan dengan tanpa disebut kesemua pengharaman sebagaimana yang mereka sedia maklum (Al-Qurtubi 2004). Menurut Ibn 'Abbās, ini merupakan asbab nuzul bagi ayat tersebut. Bagi ayat ke-23 pula, ketika zaman jahiliyah mereka menamakan perkahwinan tersebut dengan nikah ( المقت ), iaitu seorang anak menikahi ibunya sendiri kerana ditalak atau kerana kematian bapanya (Bahyat 'Abdul Wahīd 2001).

## 5.0 Penutup

Setelah membincangkan dengan mendatangkan beberapa penghujahan berdasarkan dua pendapat tersebut, berbezaan *wujud qirā'at* menjadi hujah sebagai dalil pengambilan sesuatu hukum. Oleh itu

<sup>57</sup> *Hadith Khabar Ahād* ialah hadith yang tidak sampai status tawatur, terbahagi kepada 3 iaitu: Masyhur, 'Aziz dan Gharib. Lihat Ibn Rusyd al-Qurtubi (2003M/1424H), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, tahkik Syeikh 'Ali Muhammad Mu'awwad dan Syeikh 'Adil Ahmad 'Abdul Mawjud, j. 1, cet 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 41.

berdasarkan kedua-dua bacaan qiraat tersebut sepakat ulama dari aliran Ahli Sunnah wal Jamaah mengatakan tiada perbezaan pendapat yang timbul dalam isu menghimpunkan dua saudara wanita dalam pernikahan. Namun dari perbezaan *wujuh qira'at* tersebut juga, golongan Syiah Rafidah dan Khawarij adalah sebaliknya kerana penerimaan mereka adalah berdasarkan *qirā'āt mutawātir* dari wajah bacaan kedua sahaja. Malah dengan perbezaan tersebut golongan Syiah Rafidah dan Khawarij juga menjadikan ia sebagai sumber utama sekalipun bertentangan dengan tuntutan hadith baginda s.a.w.

Berdasarkan kesimpulan tersebut, jelaslah bahawa perbezaan *wujuh qira'at* bukan sahaja memberi kesan pada penentuan hukum, bahkan ia juga merupakan penerangan kepada nas-nas yang sukar difahami secara jelas. Oleh itu, pendedahan tentang makna-makna ayat rentetan daripada perbezaan qiraat perlu dikuasai oleh seluruh pencinta-pencinta ilmu secara umumnya dan para mujtahid secara khususnya. Ia juga sebagai mekanisma penting yang mesti dirujuk dalam memilih dalil penghujahan untuk dijadikan asas pengamalan hukum dalam setiap kehidupan.

## 6.0 Rujukan

- Al-Quran al-Karim Madinah al-Munawarah.  
'Abd al-Fattāh al-Qādhi. 2010. Al-Budūr al-Zāhirah. J. 2. Kaherah: Dār al-Salām.  
'Izzat Syahātahl Karār. 2006M/1427H. Athār al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah fī Istinbat al-Ahkām al-Fiqhiyyah, cet 2. Mesir: Muassasah al-Mukhtār.  
Abū Hayyān. 2001H/1422M. Tafsīr al-Bahru al-Muḥīt. Tahkik Sheikh 'Adil Ahmad, Sheikh 'Ali Muhammad, Dr. Zakaria 'Abdul Majid & Dr. Ahmad al-Najuli, j. 2, cet 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Al-Qurtubi. 2004M/1424H. Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān. Tahkik Salim Mustafa al-Badri, j. 3, cet 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Asma' binti Yusoff. 2012. Nikah Misyar: Satu Kajian Terhadap Konsep dan Persepsi Tokoh Masyarakat Islam di Malaysia. Tesis Sarjana Sastera (Syariah) USM.  
Bahyat 'Abdul Wahīd al-Syaikhali. 2001M/1422H. Balāghah al-Qur'ān al-Karīm fi al-'Ijāz. j. 2, cet 1. Jordan: Maktabah Dandis.  
Farahwahida Mohd. Yusof. 2007. Aliran Kepercayaan Dalam Sejarah Islam. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.  
Ibn Mujāhid. 2007M/1428H. Kitāb al-Sab'ah fī al-Qirā'āt. Tahkik Sheikh Jamāluddīn Muhammad Sharaf. Tanta: Dār al-Sahābah.  
Ibn Rusyd al-Qurtubi. 2003M/1424H. Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid. Tahkik Syeikh 'Ali Muhammad Mu'awwad dan Syeikh 'Adil Ahmad 'Abdul Mawjud. j. 1, cet 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Ibn Zanjalah. 2001M/1422H. Hujjah al-Qirā'āt. Tahkik Sa'īd al-Afghāni. cet 5, Beirut: Muassasah al-Risālah.  
Jalāluddīn 'Abd al-Rahmān ibn 'Ali ibn Muhammad al-Jauziy. 2002M/1422H. Zād al-Masīr fī 'Ilmi al-Tafsīr. j. 1, cet 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Mohd Nazir Kadir. 2016. Analisis Perbezaan Qiraat Dalam Riwayat Hafs Dan Syu'bah Terhadap Ayat-Ayat Hukum. Tesis Sarjana. Fakulti Tamadun Islam UTM. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.  
Muhammaad bin Muhammad bin Muhammad Ibn al-Jazariy. 2002M/1423H. Taqrīb al-Nashr. cet 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Muhammad bin Muhammad bin 'Ali al-Nuwairiy. 2003M/1424. Sharh Tayyibah al-Nasyr fī al-Qirā'āt al-'Ashr, tahkik Dr. Majdi Muhammad Surūr. cet 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Muhammad Sālim Muhaisin. 1989M/1409H. Fī Rihāb al-Qur'ān al-Karīm. Beirut: Dār al-Jīl.  
Muslim. 1987M/1407H. Sahih Muslim. Tahkik Dr. Mūsa Syāhīn Lāsyīn & Dr. Ahmad 'Umar Hāsyim, Kitāb al-Nikāh, Bab Tahrīm al-Jam'i baina al-Mar'ah wa 'Ammatiha aw Khalatiha fi al-Nikah (no 1408). j. 3. Beirut: 'Izuddin.  
Syeikh Safiyyurahmān al-Mubarakfuri. 2001M/1421H. Tuhfah al-AhwazibiSharhi Jāmi' al-Tirmizī. j. 7, cet 1. Kaherah: Dār al-Hadīth.